



Mengapa kita di sini?

Menjelang tahun 2030, 1 daripada 4 orang akan berumur lebih daripada 65 tahun. Oleh yang demikian, peranan kami adalah bagi memastikan setiap warga emas yang perlu disokong menerima perkhidmatan yang diperlukan untuk:



Menua secara sihat



Mendapat akses untuk penjagaan berkualiti tepat pada masanya



Menyumbang mengikut kehendak mereka



Membina dan mengukuhkan hubungan sosial



Bagaimana kami melayani warga emas?

- Kami bekerjasama dengan Pejabat Generasi Warga Emas (SGO) dan rakan kongsi masyarakat untuk mengenal pasti profil dan keperluan warga emas.
- Kami berhasrat untuk meningkatkan kesinambungan penjagaan melalui kerjasama dengan pelbagai agensi bagi menyokong/memantau keperluan warga emas dengan lebih baik.
- Selain itu, kami melancarkan campur tangan melalui penyediaan rangkaian program bagi membantu semua warga emas menjalani kehidupan yang lebih sihat dan menyokong aspirasi mereka untuk menua di kediaman mereka.



Rakan kongsi lain dalam masyarakat yang bekerjasama dengan AAC termasuk:

- Agensi Nasional
- Penyedia Penjagaan Kesihatan dan Sosial
- Rakan Kongsi Masyarakat Tempatan

Kunjungi AAC berhampiran anda:



Imbas di sini untuk mengetahui lebih lanjut.



In support of



Pusat Penuaan Aktif

MARI-KITA MULAKAN!

Jadi aktif, sihat dan gembira.





Tempat untuk anda

Pusat Penuaan Aktif (AAC) ialah pusat rekreasi sosial tersinggah yang berfungsi sebagai tempat tumpuan bagi semua warga emas dalam kawasan geografi untuk urusan sosial dan kesihatan mereka.

Pusat Penuaan Aktif (Penjagaan) menyediakan perkhidmatan penjagaan tambahan seperti penjagaan harian dan pemulihan masyarakat untuk warga emas yang lemah. Pada masa ini, terdapat lebih dari 200 AAC dan AAC (Penjagaan) di seluruh Singapura dan semakin berkembang.

Pintu kami sentiasa terbuka

Kami mengalu-alukan semua Warganegara Singapura dan Penduduk Tetap yang berumur 60 tahun dan ke atas yang tinggal di kawasan kejiranan.

Perkhidmatan yang boleh anda manfaatkan di AAC

AAC menyediakan rangkaian perkhidmatan yang merangkumi aktiviti penuaan aktif yang terdiri daripada sesi karaoke, seni dan kraf, kelas muzik, kelas kecergasan fizikal, bengkel-bengkel dan banyak lagi untuk memastikan warga emas terlibat dalam masyarakat.



Terdapat juga perkhidmatan pendamping untuk warga emas yang memerlukan sokongan sosial tambahan; serta menerima rujukan bagi perkhidmatan penjagaan dan bantuan kewangan apabila diperlukan.

Ada banyak lagi! Kami juga mengalu-alukan warga emas yang ingin menjadi sukarelawan di pusat ini, seperti membantu aktiviti pusat, pendamping warga emas atau menghulurkan bantuan kepada warga emas yang memerlukan.



Perkhidmatan yang ditawarkan:

- 1 Penuaan Aktif untuk Warga Emas Yang Cergas dan Aktif**
 - Menyediakan dan/atau merujuk warga emas kepada program-program penuaan aktif.
 - Menggalakkan kesukarelawanan dan/atau pekerjaan mikro.
- 2 Pendamping untuk Warga Emas yang Tiada atau Kurang Rangkaian Sosial**
 - Memberi sokongan kepada warga emas melalui lawatan ke rumah dan panggilan telefon.
- 3 Maklumat dan Rujukan kepada Perkhidmatan Penjagaan**
 - Memberi maklumat tentang skim, geran dan sokongan yang berkaitan, dan/atau menjalankan rujukan untuk perkhidmatan penjagaan warga emas.
- 4 Penghubung Sosial untuk Campur Tangan Sosial dan Gaya Hidup**
 - Membantu dan memperkasakan warga emas untuk mendaftar dan mengambil bahagian dalam program penuaan aktif yang ditawarkan oleh pusat dan/atau organisasi lain dalam masyarakat (seperti yang disyorkan oleh doktor berdaftar mereka).
- 5 Saringan Masyarakat**
 - Membantu warga emas mengukur tanda-tanda penting mereka (seperti yang disyorkan oleh doktor).
 - Bekerjasama dengan rakan kongsi masyarakat atau penjagaan kesihatan untuk menyediakan saringan kesihatan dan/atau fungsian.